

Pindaan perlembagaan perjelas persamaan hak

JM 24 JUL 2001
Oleh ROSNI HASSAN

KUALA LUMPUR 23 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pindaan Perlembagaan Persekutuan yang akan dilakukan dalam masa terdekat ini akan memperjelaskan bahawa tiada perbezaan antara wanita dan lelaki dari segi dasar dan undang-undang negara.

Menurut Perdana Menteri, persetujuan kerajaan membuat pindaan itu adalah semata-mata untuk menentukan wanita memperoleh hak yang sama dengan lelaki.

“Kita yakin golongan wanita akan menyambut baik pendirian kerajaan memberi hak yang sama kepada mereka.

“Lebih-lebih lagi dalam keadaan keganasan semakin menjadi-jadi dalam masyarakat kita,” katanya ketika berucap melancarkan Kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (OMBAK) di Stesen Sentral Kuala Lumpur di sini hari ini.

Kempen anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga itu bertujuan menyedar dan mendidik masyarakat mengenai usaha membanteras keganasan dalam masyarakat.

Menurut Dr. Mahathir, sumbangan wanita dalam bidang tertentu hari ini begitu nyata malah suri rumah tidak terkecuali mempunyai peranan yang tersendiri.

Begitu juga dengan prestasi yang diperlihatkan oleh pelajar wanita di universiti yang pencapaian akademik jauh menyaingi penuntut lelaki.

“Demikianlah kemajuan wanita sehingga didapati yang terlatih dalam bidang tertentu lebih ramai daripada lelaki.

“Ini bermakna peranan wanita di negara ini pada masa depan akan menjadi penting. Mereka menjadi kaum yang berilmu dan cekap melainkan pemuda sanggup menyahut cabaran dengan mengejar ilmu setanding dengan wanita,” katanya.

Sementara itu Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dalam ucapan-nya menjelaskan, kerajaan bersetuju

meminda Perkara 8 (2) Perlembagaan Malaysia bagi memastikan tidak ada diskriminasi antara jantina di negara ini.

Beliau berkata, Kabinet memberikan persetujuan itu dalam mesyuaratnya pada 18 Julai lepas.

Pindaan itu akan memastikan hak seseorang wanita dalam perundangan tertinggi di Malaysia iaitu Perlembagaan Malaysia adalah sama rata dengan seseorang lelaki, jelasnya.

Beliau berkata perkataan ‘jantina’ akan ditambah kepada Perkara 8 (2) Perlembagaan Malaysia yang ber-

bunyi “Kecuali sebagaimana dibenarkan dengan nyatanya oleh Perlembagaan ini, tidaklah boleh ada perbezaan terhadap warganegara semata-mata oleh sebab agama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang.”

Shahrizat menyifatkan keputusan kerajaan ini sebagai satu kejayaan besar kepada seluruh kaum wanita Malaysia.

“Pindaan ini adalah satu titik perubahan dan kejayaan besar bagi semua wanita Malaysia.